

26/08/2003

Tapak istana baru di Jalan Duta

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bercadang membina satu istana baru bagi menggantikan Istana Negara di kawasan yang sudah dikhaskan di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, pembinaan Istana Melawati di Putrajaya bukan untuk menggantikan Istana Negara, sebaliknya ia adalah istana hinggap untuk Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ketika berada di sini atau untuk diadakan mesyuarat dan keramaian diraja.

"Istana di Kuala Lumpur akan kekal dan kita juga bercadang untuk membina satu Istana Negara yang baru. Istana baru bukan di tapak yang ada...tapak baru. Kawasan sudah lama ditentukan di Jalan Duta.

"Tanah (tapak) di situ memang dikhaskan untuk istana sejak merdeka lagi, tetapi oleh kerana nak buat istana kosnya tinggi, kita tak mampu lagi. Kita kena cari jalan untuk membiayai pembangunannya tanpa menjadi beban kepada kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Istana Melawati di sini, lewat petang semalam. Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainol Abidin.

Pada lawatan lebih dua jam itu, Perdana Menteri meninjau hampir keseluruhan bangunan selain diberi penerangan mengenai kelengkapan, seni reka serta kemudahan yang disediakan.

Ketika sesi taklimat selama 40 minit yang diberikan oleh Arkitek Istana Melawati, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah, Dr Mahathir diterangkan secara terperinci kemudahan yang disediakan di setiap aras bangunan selain pemilihan ukiran, bahan binaan, rekaan serta konsep yang digunakan bagi menzahirkan istana itu.

Dibina di kawasan seluas 6.9 hektar di Presint 1, Istana Melawati bakal menjadi kediaman Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ketika berada di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Istana itu juga akan digunakan untuk upacara rasmi seperti majlis santapan diraja, Majlis Mesyuarat Raja-Raja, majlis penganugerahan pingat dan darjah kebesaran serta sambutan rasmi kunjungan pembesar dan ketua negara asing.

Tersergam indah di puncak bukit dan dibina pada kos kira-kira RM90 juta, Istana Melawati merangkumi rangkaian tiga bangunan utama, iaitu bangunan bangkuasi, balai menghadap utama dan balai beradu diraja serta tetamu.

Istana Melawati cukup istimewa kerana seni ukiran pada dindingnya dihasilkan beberapa pakar ukir terkenal negara.

Perdana Menteri yang berpuas hati dengan hasil kerja pembinaan istana yang hampir siap itu, berkata bentuknya mencerminkan seni reka Melayu asli serta sejajar dengan bentuk rekaan bangunan yang besar.

"Ia mencerminkan budaya kita. Walaupun kos besar, kita kena terima bahawa istana mesti nampak macam istana," katanya.